

OneMedical Takaful
KONSEP-KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN

a) Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep 'Tabarru' (derma) di mana Peserta-peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta-peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan daripada DRP diperuntukan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan dari DRP akan ditentukan dan diagihkan oleh Kami, jika ada, pada setiap tahun. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan atas pengagihan perkongsian lebihan.